



ANALISIS HUBUNGAN TABIAT PEMEGANG KAD KREDIT DENGAN FAKTOR DEMOGRAFI DAN FAKTOR PENDAPATAN: KAJIAN KES SEREMBAN, NEGERI SEMBILAN



AHMAD HAFIZ BIN MOHAMAD KHIDZIR

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2013



ANALISIS HUBUNGAN TABIAT PEMEGANG KAD KREDIT DENGAN FAKTOR
DEMOGRAFI DAN FAKTOR PENDAPATAN: KAJIAN KES
SEREMBAN, NEGERI SEMBILAN

AHMAD HAFIZ BIN MOHAMAD KHIDZIR

TESIS INI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK MEMPEROLEH
IJAZAH SARJANA EKONOMI (EKONOMI KEWANGAN)
(MOD PENYELIDIKAN)

FAKULTI PENGURUSAN DAN EKONOMI
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2013



DEDIKASI

Istimewa saya dedikasikan tesis ini untuk
Ayah (Mohamad Khidzir Bin Abd. Razak), Emak (Rosnah Binti Talib)
dan adik-beradik saya serta keluarga dan sahabat-sahabat saya.





PENGAKUAN

Saya mengaku tesis ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan dan ringkasan yang setiap satunya saya jelaskan sumbernya

15 Januari 2013

.....
AHMAD HAFIZ BIN MOHAMAD KHIDZIR
M20071000185





UNIVERSITI
PENDIDIKAN
SULTAN IDRIS
سُلْطَانِيَّةُ بَدِيْعِيَّةُ سُلْطَانِ اِيْدْرِيسَ

SULTAN IDRIS EDUCATION UNIVERSITY

UPSI/IPS-3/BO 31
Pind.: 00 m/s: 1/1

**INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH /
INSTITUTE OF GRADUATE STUDIES**

**BORANG PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS/DISERTASI/LAPORAN KERTAS PROJEK
DECLARATION OF THESIS/DISSERTATION/PROJECT PAPER FORM**

Tajuk / Title:

ANALISIS HUBUNGAN TABIAN PEMEGANG KAD
KREDIT DENGAN FAKTOR DEMOGRAFI DAN
FAKTOR PENDAPATAN; KAJIAN KES SEREMBAN

No. Matrik / Matric's No.:

M20071000145

Saya / I:

AHMAD HAFIZ BIN MOHAMAD KHIDGIR

(Nama pelajar / Student's Name)

mengaku membenarkan Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek (Doktor Falsafah/Sarjana)* ini disimpan di Universiti Pendidikan Sultan Idris (Perpustakaan Tuanku Bainun) dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-

acknowledged that Universiti Pendidikan Sultan Idris (Tuanku Bainun Library) reserves the right as follows:-

1. Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek ini adalah hak milik UPSI.
The thesis is the property of Universiti Pendidikan Sultan Idris
2. Perpustakaan Tuanku Bainun dibenarkan membuat salinan untuk tujuan rujukan sahaja.
Tuanku Bainun Library has the right to make copies for the purpose of research only.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan Tesis/Disertasi ini sebagai bahan pertukaran antara Institusi Pengajian Tinggi.
The Library has the right to make copies of the thesis for academic exchange.
4. Perpustakaan tidak dibenarkan membuat penjualan salinan Tesis/Disertasi ini bagi kategori **TIDAK TERHAD**.
The Library are not allowed to make any profit for 'Open Access' Thesis/Dissertation.
5. Sila tandakan (✓) bagi pilihan kategori di bawah / Please tick (✓) for category below:-


☐ **SULIT/CONFIDENTIAL**

Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub dalam Akta Rahsia Rasmi 1972. / *Contains confidential information under the Official Secret Act 1972*



☐ **TERHAD/RESTRICTED**

Mengandungi maklumat terhad yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan ini dijalankan. / *Contains restricted information as specified by the organization where research was done.*

☒ **TIDAK TERHAD / OPEN ACCESS**


(Tandatangan Pelajar/ Signature)

Tarikh: 11/3/13


Dr. Norasibah Abdul Jalil
Ketua Jabatan Ekonomi
Fakulti Pengurusan & Ekonomi
(Tandatangan Pengerusi/Supervisor)
& 

Catatan: Jika Tesis/Disertasi ini **SULIT @ TERHAD**, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh laporan ini perlu dikelaskan sebagai **SULIT** dan **TERHAD**.

Notes: If the thesis is **CONFIDENTIAL** or **RESTRICTED**, please attach with the letter from the organization with period and reasons for confidentiality or restriction.

Dilampirkan bersama di dalam Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek (jilid keras), selepas lampiran Pengakuan



PENGHARGAAN

Bismillahirrahmanirahim dan Assalamulaikum,

Alhamdulillah, syukur saya ke hadrat Ilahi kerana dengan izin dan limpah kurnia-Nya dapat saya menyiapkan tesis ini dengan jayanya. Sekalung penghargaan dan jutaan terima kasih saya ucapkan kepada penyelia disertasi saya iaitu Dr. Norasibah Binti Abdul Jalil dan juga Prof. Madya Dr. Hamidah Bt. Yusof yang telah banyak memberi tujuk ajar, nasihat dan bimbingan kepada saya di sepanjang menyiapkan tesis ini. Tidak dilupakan juga kepada Pn. Anis Azlira Binti Ali (Penolong Pendaftar), Institut Pengajian Siswazah dan Fakulti Pengurusan dan Ekonomi, Universiti Pendidikan Sultan Idris yang banyak memberi perhatian kepada tesis ini.

Di kesempatan ini juga, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada ibu, bapa tercinta dan juga keluarga saya yang banyak memberi sokongan, galakan dan dorongan untuk menyiapkan tesis ini. Tidak dilupakan juga kepada rakan-rakan saya yang terlibat dalam melakukan kajian soal selidik dan individu-individu yang turut terlibat dalam membantu proses menyiapkan tesis ini. Setinggi penghargaan dan terima kasih juga saya ucapkan kepada semua yang terlibat dalam menyiapkan tesis ini serta yang banyak membantu, memberi motivasi dan semangat untuk saya menyiapkan tesis ini.



Akhir kata saya ucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih yang tidak terhingga kepada semua yang telah terlibat membantu saya dalam pelajaran dan segala tunjuk ajar serta kata-kata nasihat yang saya peroleh akan menjadi panduan dan pengajaran pada masa akan datang. Semoga Allah S.W.T akan membalas segala jasa baik dan merahmati segala bantuan dan kerjasama yang telah dihulurkan.

Sekian, terima kasih.

Ahmad Hafiz Mohamad Khidzir
M20071000185
Sarjana Ekonomi (Ekonomi Kewangan)





ABSTRAK

Objektif kajian ini ialah ingin mengenal pasti motif pemilikan kad kredit dikalangan pemilik kad kredit, melihat corak perbelanjaan dan pendapatan pemilik kad kredit dan mengenal pasti hubungan tabiat pembayaran kad kredit dengan faktor-faktor demografi dan ekonomi. Bagi mencapai objektif kajian, tiga jenis analisis dijalankan. Analisis pertama ialah analisis motif pemilikan kad kredit, diikuti oleh analisis kedua iaitu analisis corak perbelanjaan pemegang kad kredit dan akhir sekali analisis ketiga ialah analisis hubungan tabiat pembayaran kad kredit dengan faktor-faktor demografi dan faktor ekonomi. Ujian-ujian yang terlibat dalam ketiga-tiga analisis ini ialah ujian deskriptif dan ujian penjadualan bersilang. Kajian ini menggunakan borang soal-selidik sebagai bahan instrumen dan telah melibatkan 300 orang responden. Kaedah kutipan data bersifat “*non-random*”. Keputusan-keputusan utama yang diperoleh dari analisis ini adalah seperti berikut. Dapatan dari analisis pertama menunjukkan, peratus pemilikan kad kredit yang bermotifkan menampung perbelanjaan semasa adalah sebanyak 22.67% manakala peratus yang bermotifkan perbelanjaan kecemasan di masa hadapan adalah sebanyak 21.33%. Selain itu, keputusan yang diperoleh bagi analisis hubungan motif pemilikan kad kredit dengan pendapatan adalah signifikan. Hasil dapatan analisis kedua pula menunjukkan faktor pendapatan dan faktor perbelanjaan mempunyai hubungan signifikan. Dapatan bagi analisis ketiga pula menunjukkan, keputusan signifikan hanya diperoleh dalam analisis hubungan tabiat pembayaran kad kredit dengan faktor umur dan faktor pendapatan sahaja. Sebagai implikasi, maklumat-maklumat yang diperoleh dari kajian ini bukan sahaja menerangkan fenomena defisit semasa yang dialami oleh negara malah keputusan yang diperoleh juga boleh dijadikan panduan pada pembuat-pembuat dasar (institusi bank dan kerajaan) dalam melaksanakan dasar-dasar kewangan baru di masa akan datang.

Kata kunci: kad kredit, pemilikan kad kredit, faktor demografi, pendapatan dan perbelanjaan.





THE RELATIONSHIP HABITS OF CREDIT CARD HOLDERS TO THE DEMOGRAPHIC AND INCOME FACTORS: CASE STUDY IN SEREMBAN, NEGERI SEMBILAN

ABSTRACT

The objectives for this study is to analyse the motives for credit card ownership among credit card owners, to observe the expenditure and income patterns of credit card holders, and to identify the relationship between credit card payment habits with the demographic and economic factors. To achieve this objective, three types of analyses were carried out. The first analysis analysed the motives of credit card ownership, followed by a second analysis which analysed spending patterns of credit card holders and the last analysed the relationship between credit card payment habits with demographic and economic factors. The tests involved in all three analyses were descriptive and cross tabulation tests. This study used questionnaires as research instrument and it involved 300 respondents. The data collection method was non-random. The main findings of this research are as the following. The results from the first analysis showed that, 22.67% of the respondents owned the card for the purpose to cover existing expenses while the other 21.33% keep it for future emergency usage. Moreover, the results obtained also showed that, the motive factor had a significant relationship with the income factor. The findings of the second analysis showed that, income and expenses factors were significantly related. The findings of the third analysis showed that, a credit card payment habit was significantly related with the age and the income factors. As the implication, the information obtained from this study does not only explain the current deficit phenomenon faced by the country, in fact these results can also be used as a guide to policy makers (banks institution and government) in implementing new financial policies in the future.

Key words: credit card, credit card ownership, demographic factors, income and expenditure.



ISI KANDUNGAN

Muka Surat

HALAMAN JUDUL	i
DEDIKASI	ii
PENGAKUAN	iii
BORANG PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS	iv
PENGHARGAAN	v
ABSTRAK	vi
ISI KANDUNGAN	viii
SENARAI JADUAL	xiv
SENARAI SINGKATAN	xv

1.0	Pengenalan	1
1.1	Penyataan Masalah	5
1.2	Mengapa Muflis dan Langkah-langkah Kerajaan	11
1.3	Objektif Kajian	14
1.4	Kepentingan Kajian	15
1.5	Hipotesis Kajian	16
1.6	Limitasi Kajian	17
1.7	Penutup	18

BAB 2 LATAR BELAKANG DAN KAJIAN LEPAS

2.0	Pendahuluan	20
2.1	Sejarah Kredit dan Kad Kredit	20

2.2	Perbankan dan Kad Kredit Di Malaysia	23
2.2.1	Sejarah Perbankan di Malaysia	23
2.2.2	Perbankan Islam	24
2.2.3	<i>Riba dan Gharar</i>	25
2.2.4	<i>Al-Mudharabah</i>	26
2.2.5	<i>Al-Musyarakah</i>	27
2.2.6	<i>Bai' Bithaman Ajil</i>	27
2.2.7	<i>Bai' Al-Inah</i>	30
2.2.8	<i>Al-Wadiah</i>	31
2.2.9	<i>Qard Al-Hasan</i>	33
2.3	Maklumat Am Tentang Kad Kredit	35
2.3.1	Takrifan Kad Kredit	35
2.3.2	Kadar Faedah, Caj dan Yuran	40
2.3.3	Kad Kredit Konvensional	42
2.3.4	Kad Kredit Islam	43
2.3.5	Jenis-jenis Kad Kredit	45
2.3.6	Penggunaan Kad Kredit	46
2.4	Kad Kredit dan Kad Debit	49
2.4.1	Kad Kredit Sebagai Kad Hutang	49
2.4.2	Risiko Kad Kredit	50
2.4.3	Kesan Hutang	52
2.4.4	Kad Debit	55
2.4.5	Kad Kredit Sebagai Kawan	58
2.4.6	Kad Kredit Sebagai Lawan	64
2.5	Faedah Penggunaan Kad Kredit Kepada Peniaga	69

2.6	Keselamatan Kad Kredit	71
2.7	Penutup	72

BAB 3 KAJIAN LEPAS

3.0	Pendahuluan	74
3.1	Kajian Luar Negara	75
3.1.1	Penggunaan Kad Kredit Kepada Pelajar dan Orang Ramai	75
3.1.2	Masalah Kad Kredit dan Penyelesaiannya	79
3.1.3	Gelagat dan Tabiat Penggunaan Kad Kredit	80
3.1.4	Perkhidmatan dan Maklumat Mengenai Kad Kredit	83
3.1.5	Ciri-ciri Pilihan Kad Kredit	90
3.1.6	Analisis Hubungan	92
3.2	Kajian Dalam Negara	93
3.2.1	Penggunaan Kad Kredit	93
3.2.2	Tabiat dan Gelagat Penggunaan Kad Kredit	97
3.2.3	Produk Kad Kredit	100
3.2.4	Maklumat dan Perkhidmatan Kad Kredit	102
3.2.5	Produk Kad Kredit Islam	105
3.2.6	Belia dan Pengetahuan Kewangan	112
3.2.7	Analisis Hubungan	116
3.3	Penutup	117

BAB 4 METODOLOGI KAJIAN

4.0	Pendahuluan	119
4.1	Butiran Kajian Yang Dijalankan	120
4.1.1	Kutipan Data	120
4.1.2	Instrumen Borang Soal Selidik	122
4.1.3	Nilai Kebolehppercayaan	124
4.1.4	Pemilihan Sampel Responden	126
4.1.5	Pengedaran Borang Soal Selidik	126
4.2	Analisis Kajian	128
4.2.1	Analisis Pertama: Analisis Motif Pemilikan Kad Kredit	128
4.2.2	Analisis Kedua: Analisis Corak Pendapatan Dan Perbelanjaan Pemegang Kad Kredit	129
4.2.3	Analisis Ketiga: Analisis Hubungan Tabiat atau Sikap Pembayaran Kad Kredit dengan Faktor Dengan faktor Demografi dan Faktor Ekonomi	130
4.3	Analisis Data	132
4.4	Penutup	132

BAB 5 KEPUTUSAN KAJIAN

5.0	Pendahuluan	133
5.1	Profil Responden	134
5.2	Dapatan Analisis Pertama: Ujian Hubungan Motif Pemilikan Kad Kredit Dengan Pendapatan	141

5.3	Dapatan Analisis Kedua: Ujian Hubungan Faktor Pendapatan dan Perbelanjaan	146
5.4	Dapatan Analisis Ketiga: Analisis Hubungan Tabiat Pembayaran Kad Kredit Dengan Faktor-faktor Demografi dan Ekonomi	151
5.4.1	Ujian Hubungan Tabiat Pembayaran Kad Kredit dengan Faktor Demografi	151
5.4.2	Ujian Hubungan Tabiat Pembayaran Kad Kredit dengan Faktor Ekonomi (Tingkat Pendapatan)	155
5.5	Penutup	156

BAB 6 KESIMPULAN

6.0	Pendahuluan	158
6.1	Rumusan Kajian	159
6.2	Implikasi Dasar	160
6.3	Cadangan Pelaksanaan Dasar	162
6.3.1	Memperketatkan Syarat-syarat Kelayakan Untuk Memiliki Kad Kredit	162
6.3.2	Mengawal Had Perbelanjaan Penggunaan Kad Kredit	164
6.3.3	Mempertingkatkan Ilmu Pengetahuan dan Memberi Kesedaran Kepada Pengguna Kad Kredit	164

6.3.4	Menggantikan Penggunaan Kad Kredit	
	Kepada Simpanan Insuran	165
6.4	Cadangan Penggunaan Kad Kredit Masa Hadapan	165
6.5	Kesimpulan Keseluruhan	167
6.5.1	Ingat Kad Kredit Bukan Wang Percuma	167
6.5.2	Pilih Kad Kredit yang menawarkan Kadar	
	Faedah, Yuran yang rendah atau Percuma	168
6.5.3	Sentiasa Waspada dengan Perubahan Polisi	
	Dan Kadar Caj	168
	RUJUKAN	169
	LAMPIRAN	177



SENARAI JADUAL

Jadual		Muka Surat
1.1	Pinjaman kad kredit	6
1.2	Jumlah muflis yang disebabkan penggunaan kad kredit mengikut umur	8
4.1	Nilai kebolehpercayaan	124
4.2	Nilai Alpha dan kekuatan nilai Alpha	125
5.1	Keputusan Faktor Demografi	134
5.2	Menentukan Motif Pemilikan Kad Kredit	141
5.3	Hubungan Motif Pemilikan Kad Kredit dengan Pendapatan	143
5.3a	Ujian Khi Kuasa Dua (X^2)	144
5.4	Hubungan Faktor Pendapatan dan Faktor Pengguna	147
5.4a	Ujian Khi Kuasa Dua (X^2)	147
5.5	Hubungan antara Faktor Pendapatan dengan Faktor Perbelanjaan Pengguna Kad Kredit	148
5.5a	Ujian Khi Kuasa Dua (X^2)	149
5.6	Hubungan Faktor Demografi dengan Tabiat Pembayaran Kad Kredit	152



**SENARAI SINGKATAN**

AKPK	-	Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit
ANOVA	-	Analisis Varian Sehalu
ASB	-	Amanah Saham Bumiputra
ASN	-	Amanah Saham Nasional
ATM	-	<i>Automatic Teller Machine</i> (Mesin Pengeluaran Automatik)
BCB	-	<i>Bumiputra-Commerce Bank</i>
BIMB	-	Bank Islam Malaysia Berhad
BIM	-	Bayar Ikut Masa
BNM	-	Bank Negara Malaysia
BSN	-	Bank Simpanan Nasional
BTIM	-	Bayar Tidak Ikut Masa
X^2	-	<i>Chi Square</i>
CASA	-	Akaun Simpanan dan Semasa
CCIS	-	<i>Credit Card Reference Information System</i> (Sistem Rujukan Maklumat Kad Kredit)
CIMB	-	<i>Commerce International Malaysian Banking</i>
DF	-	Darjah Kebebasan
EC	-	<i>ABC Islamic Bank</i>
GFI	-	<i>Goodness of Fit</i>
ICT	-	Teknologi Maklumat dan Komunikasi
ID	-	<i>Identity Document</i>
IPT	-	Institut Pengajian Tinggi
IS	-	<i>Information System</i> (Sistem Maklumat)
IT	-	<i>Information Technology</i> (Teknologi Maklumat)





KBI	-	Kad Bank Islam
KDNK	-	Keluaran Dalam Negara Kasar
KLCC	-	<i>Kuala Lumpur City Centre</i>
KLIA	-	<i>Kuala Lumpur International Airport</i>
KM	-	Kilometer
KPT	-	Kementerian Pengajian Tinggi
LRT	-	Transit Aliran Ringan
MAA	-	<i>Multi Attribute Attitude</i>
MAYBANK	-	Malayan Banking Berhad
MEPS	-	<i>Malaysian Electronic Payment System</i>
N	-	Jumlah Sampel
NFI	-	Normal Fit Index
NGO	-	Badan Bukan Kerajaan
PIN	-	Nombor Pengenalan Peribadi
PM	-	Perdana Menteri
POS	-	Terminal Pembayaran Kad Kredit
PTPTN	-	Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional
Ph.D	-	Doktor Falsafah
R^2	-	R Kuasa Dua
RHB	-	Rashid Hussein Bank
RM	-	Ringgit Malaysia
RMK-9	-	Rancangan Malaysia Ke Sembilan
ROI	-	<i>Return On Investmen</i> (Pulangan atas pelaburan)
SMS	-	<i>Short Message System</i> (Sistem Pesanan Ringkas)





SPM	-	Sijil Pelajaran Malaysia
SPSS	-	<i>Statistical Package for Social Science</i>
STPM	-	Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia
TAM	-	Model Teknologi Bergerak
TLI	-	Tucker-Lewis Index
UK	-	United Kingdom
USA	-	United States of Amerika





BAB 1

PENGENALAN



Menyorot sejarah penubuhan bank di Malaysia, Bank perdagangan pertama yang ditubuhkan adalah Malayan Banking Berhad (Maybank) yang ditubuhkan pada tahun 1960 semasa pemerintahan Tunku Abdul Rahman sebagai Perdana Menteri (PM) Malaysia. Fokus utama penubuhan sektor perbankan pada masa tersebut ialah bagi menggalakkan pelaburan daripada sektor-sektor perbankan. Di awal penubuhannya, sektor perbankan menawarkan perkhidmatan simpanan dan pinjaman wang sahaja tetapi dalam jangka waktu 20 tahun berikutnya sektor perbankan telah berkembang dengan pesat bagaikan cendawan tumbuh selepas hujan. Perkhidmatan yang disediakan oleh institusi perbankan telah berkembang dengan pesat melalui inovasi dan aset-aset kewangan yang baru sesuai dengan perkembangan ekonomi negara.





Perkembangan yang pesat ini adalah kesan daripada perubahan zaman teknologi maklumat yang juga dikenali sebagai “era teknologi maklumat”. Era yang melaungkan slogan “dunia tanpa sempadan” ini membawa maksud tiada lagi batasan komunikasi dari segi jarak atau kos di dalam urusan seharian. Perubahan zaman dalam tingkat teknologi ini telah memberi kesan yang besar terhadap urusan perbankan, urusan jual beli dan perdagangan di mana pengguna-pengguna bukan saja dapat menikmati kemudahan-kemudahan berurusan melalui alat-alat kewangan elektronik (*e-commerce*), *e-banking* dan pelbagai kad-kad kewangan seperti kad ATM (*automatic teller machine*), kad debit dan juga kad kredit malah pengguna-pengguna juga dapat melakukan urusan dagangan melalui Internet. Ini bermakna urusan jual beli tidak lagi tertakluk di pasaraya atau pusat-pusat membeli belah sahaja malah boleh juga dilakukan secara atas talian, yang merangkumi produk-produk dalam dan luar negara. Ini bermakna perubahan zaman teknologi maklumat ini tidak membataskan urusan perbankan kepada urusan kaunter, urusan pinjaman dan urusan simpanan semata-mata tetapi telah berkembang melampaui batasan tersebut.

Kesan dari perkembangan ini, penawaran kad kredit kini dibuka seluas-luasnya sejak tahun 2000 lagi, di mana secara kebetulan mulai tahun tersebut wujud istilah Y2K iaitu teknologi tanpa sempadan di mana semua perkara dan aktiviti perbankan dipermudahkan melalui kaedah perbankan ke atas talian (*e-banking*) dan penggunaannya di hujung jari yang memberi banyak kebaikan kepada masyarakat negara ini untuk memiliki kad kredit. Keadaan ini menjadikan kad kredit yang di anggap produk mewah suatu ketika dahulu, tidak lagi bersifat demikian. Ini adalah kerana, pada waktu dahulu permohonan bagi kad kredit menuntut syarat-syarat dan prosedur-prosedur yang ketat yang hanya dapat di penuhi oleh golongan-golongan





tertentu sahaja. Selain itu, pada masa dahulu mana-mana pelanggan yang ingin memiliki kad kredit akan ke bank untuk mendapatkan produk ini. Hari ini keadaan adalah berbeza di mana kita dapat menyaksikan keadaan yang sebaliknya berlaku. Pihak bank didapati menggunakan pelbagai kaedah dan strategi bagi menarik pelanggan agar menjadi pelanggan atau pemegang kad kredit mereka. Antara kaedah-kaedah yang dimaksudkan ialah menghantar surat tawaran kad kredit kepada golongan sasaran dan juga mengadakan promosi di pusat-pusat membeli-belah, bank-bank, stesen-stesen minyak dan juga melantik agen-agen pemasaran untuk pergi ke pejabat-pejabat.

Pada 28 Julai 1999, Institut perbankan melonggarkan had pendapatan individu dalam membenarkan memohon kad kredit dengan hanya mereka yang berpendapatan sebanyak RM1,500 sebulan sudah layak memohon dan memiliki kad kredit (Info Perbankan, 2003). Disebabkan negara yang menuju ke sebuah negara maju masyarakat Malaysia terpaksa menerima keadaan di mana harga barang-barang sentiasa naik dari masa ke semasa dan taraf hidup yang semakin tinggi ini menyebabkan individu terbabit menggunakan kad kredit walaupun hanya berpendapatan RM1,500 sebulan bagi menampung perbelanjaan harian mereka. Mula-mula mereka berjanji tidak akan menggunakan kad kredit secara berlebihan tetapi apabila nafsu berbelanja mereka tidak dapat dikawal akhirnya memakan diri sendiri. Di dalam kes seperti ini perkhidmatan kad kredit tidak patut terus dipersalahkan kerana kerja mereka hanya berkisar kepada keuntungan semata-mata tetapi menggalakkan budaya berhutang.





Walaupun begitu, semasa permohonan kad kredit dibuat, pengguna-pengguna yang memohon kad kredit ini hanya ingin menggunakannya semasa kecemasan sahaja tetapi bagi memudahkan urusan jual beli, pengguna kad kredit ini tidak peka terhadap apa itu perbelanjaan kecemasan. Oleh yang demikian, mereka akan menggunakan kad kredit sedikit demi sedikit ke arah yang bukan lagi kecemasan. Jika dilihat pelbagai pihak mengambil peluang dalam kegagalan segelintir pengguna kad kredit ini untuk merancang penggunaannya. Oleh itu, wujudlah pelbagai insentif yang diberikan kepada pengguna-pengguna kad kredit ini. Sebagai contoh penggunaan kad kredit di stesen-stesen minyak akan mendapat hadiah-hadiah produk mewah seperti *i-phone*, tiket pelancongan, komputer riba, kereta mewah dan sebagainya. Golongan sasaran adalah golongan muda yang mudah terjebak dalam permainan mereka. Kesempatan yang diambil ini menyebabkan pengguna kad kredit terutama golongan muda ini tidak memikir panjang dalam permainan mereka dan terus menggunakannya.



Jika dilihat secara kasar memang hadiah-hadiah yang diberikan itu cukup mengaburi mata dan fikiran pengguna-pengguna kad kredit untuk mendapatkannya tetapi jika dikaji secara lebih mendalam dan teliti lagi hadiah-hadiah terbabit sebenarnya menjerat mereka. Umpama hadiah tiket pelancongan yang mereka menangi akan membuat mereka terpaksa menggunakan kad kredit terbabit secara tidak langsung. Ini kerana apabila melancong mereka mesti perlu mengeluarkan perbelanjaan di tempat pelancongan tersebut seperti penginapan, makan, minum, sewa kenderaan, cenderamata dan sebagainya. Oleh itu, bagi memudahkan mereka berbelanja dan membuat pembayaran tanpa membawa tunai yang banyak maka kad kredit akan digunakan.





1.1 Penyataan Masalah

Memandangkan kad kredit merupakan alat perantaraan urus niaga, ia secara langsung memainkan peranan penting di dalam melancarkan aktiviti ekonomi. Peranan kad kredit dalam hal ini menjadikannya sebagai agen pemangkin aktiviti ekonomi. Dalam erti kata lain, penggunaan kad kredit dapat membantu melancarkan perbelanjaan dan seterusnya secara agregat akan memberi kesan kepada prestasi ekonomi. Walau bagaimanapun, sekiranya alat bantu perbelanjaan ini gagal dikawal penggunaannya maka akan berlakulah masalah lebihan perbelanjaan dalam kalangan pengguna-pengguna kad kredit. Menurut laporan yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia dalam Laporan Bajet 2007 ramai pengguna kad kredit menjadi muflis oleh kerana ketidakmampuan membayar perbelanjaan yang dilaksanakan melalui kad kredit.



Perangkaan menunjukkan pada tahun 2001 pinjaman tidak berbayar adalah sebanyak RM409.4 juta meningkat kepada RM743.7 juta pada tahun 2005. Jumlah peningkatan pinjaman tidak berbayar ini sebanyak RM334.3 juta iaitu selama lima tahun berturut-turut menunjukkan pengguna-pengguna kad kredit menggunakan kad kredit tanpa batasan. Antara faktor yang dikenal pasti yang meningkatkan masalah ini ialah kegagalan pengguna mengawal perbelanjaan bersesuaian dengan tingkat pendapatan. Keadaan ini menjadi lebih parah apabila pemilikan kad kredit mempunyai kad kredit melebihi dari satu kad (Fazli Sabri, Jariah Masud, Laily Paim, Amin Othman & Nurkhalila Nordin, 2007).



Jadual 1.1

Pinjaman Kad Kredit

Jumlah Tunggakan Kad Kredit			
Tahun	Jumlah Tunggakan (RM' Bilion)		
1998	4.41		
2000	5.72		
2006	20.0		
2008	22.8		
2009	22.4		
(sehingga April)			
Pemilikan Kad Kredit			
Tahun	Jumlah Kad (Juta)		
1999	1.9		
2009	9.7		
(sehingga April)			
Jumlah Keseluruhan Kad Kredit			
Tahun	Jumlah Kad Utama (Juta)	Jumlah Kad Sampingan (Juta)	Jumlah Keseluruhan Kad (Juta)
2008	9.6	1.2	10.8
2009	9.7	1.3	11.0
(sehingga April)			

Sumber : Bank Negara Malaysia (2010)

Daripada laporan yang sama, jumlah tidak membayar hutang kad kredit pada tahun 2000 adalah sebanyak RM5.72 bilion berbanding pada tahun 1998 iaitu sebanyak RM4.4 bilion. Selepas sedekad iaitu perbandingan antara tahun 1998 dan tahun 2008 pula dilihat peningkatan terus jumlah tidak membayar hutang penggunaan kad kredit iaitu sebanyak RM18.3 juta kepada RM22.8 juta. Ia dilihat meningkat sebanyak RM4.5 juta. Sehingga bulan April 2009 rakyat Malaysia mempunyai tunggakan hutang kad kredit yang tidak membayar adalah sebanyak RM22.4 juta. Satu peningkatan lebih daripada 400% dalam tempoh satu dekad yang lalu di mana jumlah kad kredit dalam pasaran adalah sebanyak 11 juta. Daripada 11 juta kad kredit tersebut, jumlah kad utama dalam pasaran adalah sebanyak 9.7 juta dan jumlah kad kredit sampingan iaitu sebanyak 1.3 juta setakat April 2009 berdasarkan Jadual 1.1.



Jika dibandingkan dengan jumlah kad kredit pada tahun 2008 dilihat sebanyak 10.8 juta telah berada di pasaran. Di mana daripada jumlah keseluruhan 10.8 juta tersebut, kad kredit utama di dalam pasaran adalah sebanyak 9.6 juta unit dan kad kredit sampingan pula adalah sebanyak 1.2 juta. Jika dibandingkan dalam tempoh satu dekad pada tahun 1999 pula mencatatkan jumlah kad kredit yang berada di dalam pasaran bagi kad kredit utama sahaja adalah sebanyak 1.9 juta unit. Ianya meningkat sebanyak 7.8 juta kad kredit di dalam pasaran selama tempoh satu dekad iaitu pada tahun 1999 hingga 2009. Berdasarkan kajian yang dilakukan oleh Fazli Sabri et al. (2007) menyatakan bahawa jumlah hutang terkumpul pengguna kad kredit meningkat daripada RM969 juta pada tahun 1992 kepada RM5 bilion pada tahun 2002. Peningkatan hutang ini dapat menunjukkan bahawa terdapat amalan negatif dalam pembayaran balik pengguna kad kredit dan akhirnya menyebabkan mereka muflis.



Ditambah pula dengan penggunaan kad kredit yang semakin meningkat setiap masa menyebabkan kesukaran dalam membayar dan melangsaikan segala hutang pinjaman kad kredit. Salah satu punca peningkatan pemilikan kad kredit ini adalah disebabkan kelayakan memiliki kad kredit ini dimudahkan atau dilonggarkan iaitu orang ramai yang berpendapatan minimum RM1,500 dan berumur 21 tahun ke atas sudah layak untuk memohon kad kredit. Oleh sebab kelayakan untuk memiliki kad kredit ini dilonggarkan dan dimudahkan, kebanyakan pemegang-pemegang kad kredit boleh memiliki lebih daripada satu kad.

Penggunaan kad kredit yang semakin meluas di dalam pasaran masa kini dilihat mewujudkan peningkatan masalah muflis secara seiring di kalangan pengguna kad kredit. Data yang diperoleh daripada Jabatan Insolvensi Malaysia seperti yang





dipaparkan di Jadual 1.2 melaporkan sehingga Mei 2010 seramai 38357 individu yang berusia di antara 25 hingga 41 tahun adalah berstatus muflis.

Jadual 1.2

Jumlah Muflis Yang Disebabkan Penggunaan Kad Kredit Mengikut Umur

Golongan umur	2005	2006	2007	2008	2009	2010 (Mei)	Jumlah
Bawah 25 tahun	12	50	27	28	42	3	162
25 - 34 tahun	199	135	158	145	185	28	850
35 - 44 tahun	468	259	277	191	217	50	1462
45 - 54 tahun	401	218	214	156	231	53	1273
55 tahun ke atas	239	122	92	87	105	25	670
Jumlah	1319	784	768	607	780	159	4417

Sumber : Jabatan Insolvensi Malaysia (Jun 2010)

Kes muflis akibat penggunaan kad kredit ini adalah seramai 4,417 orang daripada 2005 sehingga Mei 2010 berdasarkan Jadual 1.2. Pada tahun 2005 menunjukkan jumlah muflis pengguna kad kredit ini hanya 1,319 orang di mana pengguna yang berusia bawah 25 tahun adalah seramai 12 orang diikuti pengguna yang berusia 25 tahun hingga 34 tahun iaitu seramai 199 orang. Pada usia antara 35 tahun hingga 44 tahun pula adalah seramai 468 orang manakala pada usia 45 tahun hingga 54 tahun pula adalah seramai 401 orang dan pada usia 55 tahun ke atas adalah seramai 239 orang. Perbandingan di antara tahun 2006 dan 2007 pula menunjukkan pengguna kad kredit yang muflis adalah seramai 784 orang dan 768 orang. Pada usia 25 tahun ke bawah seramai 50 orang pengguna kad kredit diisytiharkan muflis pada tahun 2006 manakala 2007 pula seramai 27 orang. Pada usia antara 25 tahun hingga 34 tahun pula seramai 135 orang pengguna kad kredit muflis pada tahun 2006 dan tahun 2007 pula adalah seramai 158 orang. Ini diikuti pada usia antara 35 tahun hingga 44 tahun, pada tahun 2006 adalah seramai 259 orang dan tahun 2007 seramai 277 orang. Di antara usia 45 tahun hingga 54 tahun pula menunjukkan seramai 401





orang muflis pada tahun 2006 diikuti seramai 214 orang pada tahun 2007 dan pada usia 55 tahun ke atas pula adalah seramai 122 orang pada tahun 2006 dan 92 orang pada tahun 2007. Perbandingan di antara tahun 2006 dan 2007 ini didapati menurun jumlah kes muflis pengguna kad kredit ini dengan jumlah yang amat sedikit iaitu seramai 16 orang.

Perbandingan di antara tahun 2008 dan 2009 pula jumlah pengguna kad kredit yang muflis adalah seramai 607 orang dan 780 orang. Dalam lingkungan usia 25 tahun ke bawah seramai 28 orang muflis pada tahun 2008 dan seramai 42 orang pada tahun 2009. Antara usia 25 tahun hingga 34 tahun pula seramai 145 orang telah dicatatkan jumlah muflis penggunaan kad kredit pada tahun 2008 dan seramai 185 orang telah dicatatkan jumlah muflis penggunaan kad kredit pada tahun 2009. Pada usia antara 35 tahun hingga 44 tahun pula mencatatkan jumlah muflis pengguna kad kredit adalah seramai 191 orang pada tahun 2008 dan tahun 2009 pula adalah seramai 217 orang. Pengguna-pengguna kad kredit yang diisytiharkan muflis pada usia antara 45 tahun hingga 54 tahun pula adalah seramai 156 orang pada tahun 2008 dan seramai 231 orang pada tahun 2009. Akhir sekali, seramai 87 orang pada tahun 2008 dan seramai 105 orang pada tahun 2009 adalah antara mereka yang dilaporkan muflis pada berusia 55 tahun ke atas. Perbandingan jumlah kes muflis ini dilaporkan meningkat adalah disebabkan oleh masalah kemelesetan ekonomi yang berlaku kepada negara. Peningkatan ini begitu ketara dilihat pada setiap peringkat umur seperti dilaporkan pada Jadual 1.2.

Setakat Mei 2010 pula jumlah kes muflis adalah seramai 159 orang. Pada usia di antara 25 tahun ke bawah adalah seramai 3 orang diikuti pada usia antara 25 tahun





hingga 34 orang iaitu seramai 28 orang. Seterusnya pada usia antara 34 tahun hingga 44 tahun pula adalah seramai 50 orang dan 53 orang adalah pada usia di antara 45 tahun hingga 54 tahun. Pada usia 55 tahun ke atas pula adalah seramai 25 orang. Secara puratanya adalah seramai dua orang setahun akan diisytiharkan muflis bagi mereka yang berusia di antara 26 tahun hingga 30 tahun.

Berdasarkan kajian yang dilakukan oleh Fazli Sabri et al., (2007) masalah muflis berpunca daripada sebilangan individu yang gagal dalam membuat pembayaran balik pinjaman sewa beli kenderaan, pinjaman peribadi dan juga tidak dapat mengawal penggunaan kad kredit sehingga muflis. Jika dibandingkan kes-kes muflis secara keseluruhan yang melibatkan kesemua kes muflis termasuk pinjaman tidak berbayar, pinjaman peribadi, pinjaman sewa kenderaan dan sebagainya, kes muflis akibat daripada penggunaan kad kredit masih lagi kurang berbanding kes-kes muflis yang lain. Namun begitu, masalah ini akan memerlukan pemerhatian dan pengawalan. Jika keadaan ini tidak dibendung daripada sekarang ia akan terus meningkat dan boleh menjadi penyakit di kalangan rakyat Malaysia.

Walaupun kad kredit tidak dikategorikan sebagai penyumbang utama pada masalah muflis negara, namun usaha untuk membendung masalah ini perlulah dilaksanakan dengan efisien. Pengguna kad kredit perlu meningkatkan tahap pendidikan dan informasi mereka terhadap penggunaan kad kredit. Mereka juga perlu dimaklumkan tentang penggunaan kad kredit yang lain. Dalam pada kerancangan pihak perbankan meningkatkan jumlah penggunaan kad kredit ini sebenarnya terdapat salah satu cara untuk memastikan Pulangan Atas Pelaburan atau "*Return On Investment*" (ROI) Bank Negara Malaysia ini meningkat dan kekal sepanjang tahun adalah dengan





cara memberi peluang kepada orang ramai menjadi penghutang termasuk memaksimumkan pinjaman dan memudahkan pemilikan kad kredit. Dengan peningkatan ke atas ROI ini membolehkan pihak perbankan atau pengeluar kad kredit ini menikmati pulangan atas setiap pelaburan yang dilakukan dengan memberi mereka keuntungan yang tinggi. Pengguna yang gagal menguruskan kewangan mereka sendiri akibat daripada pihak perbankan atau pengeluar kad kredit ini yang mementingkan keuntungan dengan mengejar ROI yang tinggi akan menyebabkan pengguna kad kredit ini berbelanja besar sehingga tidak ingat dunia dan akan terjatuh dengan permainan pengeluar kad kredit atau pihak perbankan ini sehingga membolehkan pengguna muflis.



1.2 Mengapa Muflis dan Langkah-langkah Kerajaan.



Statistik yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia (BNM) pada 2010 menunjukkan bahawa pinjaman kad kredit adalah menguasai 6.1% daripada jumlah pembiayaan Institut Perbankan. Pengiraan secara statistik menunjukkan sekiranya seseorang itu berhutang RM1,000 melalui kad kredit dan hanya membuat bayaran minima lima peratus setiap bulan maka untuk menyelesaikan semua hutangnya memerlukan tempoh masa lima tahun lapan bulan untuk melangsaikan segala hutangnya termasuk kadar faedah. Kajian juga menunjukkan pengguna kad kredit cenderung untuk berbelanja 17% lebih daripada individu yang berurusan menggunakan wang tunai. Antara sebab-sebab masalah ini adalah faktor kadar faedah yang tinggi, kawalan pengeluaran kad kredit yang terlalu longgar dan sikap institut perbankan yang hanya melihat keuntungan tanpa memikirkan kesan sosio-ekonomi





alam jangka masa panjang serta dilihat sebagai satu gaya hidup baru di Malaysia. Selain dari faktor perbelanjaan berlebihan, faktor pengetahuan yang cetek mengenai pembayaran dan jenis-jenis caj yang dikenakan oleh institusi pengeluaran kad kredit juga boleh menjadi salah satu faktor penyumbang kepada masalah yang disebutkan tadi.

Untuk menangani masalah ini kerajaan telah mengambil langkah awal terhadap sistem perbankan dengan menambahbaikkan sistem perbankan dan sistem kewangan dalam Rancangan Malaysia Ke Sembilan (RMK-9). Antaranya ialah mewujudkan infoperbankan (*i-bank*) yang mengandungi maklumat mengenai caj yang berkaitan dengan kad kredit serta panduan memilih kad kredit. Selaras dengan tindakan kerajaan ini, para pengeluar kad kredit pula dikehendaki menjalankan penilaian dan pengesahan kepercayaan kredit pemohon secara berhemat melalui sistem maklumat rujukan kredit pusat (*Credit Card Reference Infomation System - CCRIS*) yang diwujudkan oleh Bank Negara Malaysia (BNM). Berbanding kajian yang dilakukan oleh Shamsul Abdul, Rumaizah Mohamad & Haslindawati Hamzah (2004) yang menyatakan era globalisasi dan teknologi maklumat perlu dipelajari dan memperoleh ilmu pengetahuan daripadanya. Oleh itu, pengguna-pengguna kad kredit seharusnya menyelidik atau mengkaji terlebih dahulu terhadap penggunaan kad kredit sebelum memiliki dan menggunakannya. Aspek epistemologi, ontologi dan methodology adalah berkait rapat antara satu sama lain yang boleh membawa kekeliruan dalam usaha memahami pembinaan ilmu dalam era globalisasi dan teknologi maklumat ini. Bagi kajian yang dijalankan oleh Khalidah Mustapa & Laily Paim (1986) pula menyatakan ramai yang tidak mahir dengan selok-belok pembelian secara kredit dan ramai pula yang terperangkap atau tertipu akibat daripada pembelian





secara kredit ini kerana tahap pengetahuan dan ilmu mengenai kad kredit yang sangat kurang.

Selain mempertingkatkan pengetahuan dan kesedaran pengguna terhadap pinjaman melalui kad kredit, kerajaan juga memperkenalkan beberapa mekanisme pembayaran bagi kemudahan orang ramai yang menggunakan perkhidmatan tersebut bagi urusan pembayaran. Antara pembayaran yang boleh dilakukan oleh pemegang-pemegang kad kredit ini secara atas talian dan juga menggunakan kemudahan mesin-mesin yang beroperasi 24 jam.

Kesemua langkah yang diambil bertujuan melancarkan urusan niaga bagi pembayaran kad kredit yang mempengaruhi terhadap keseimbangan di antara tingkat penggunaan dan pembayaran kad kredit. Walaupun pelbagai langkah proaktif telah diambil oleh pihak kerajaan bagi melancarkan sistem perbelanjaan dan pembayaran balik kad kredit masalah tunggakan bayaran balik kad kredit masih lagi wujud sehingga ke hari ini.

Isu yang dibangkitkan di atas telah menimbulkan beberapa persoalan. Antaranya ialah; (i) golongan manakah dari segi jantina, bangsa, tingkat pendapatan, umur dan status perkahwinan yang cenderung menggunakan kad kredit?; (ii) Apakah corak perbelanjaan dan pendapatan pemegang-pemegang kad kredit?; (iii) Apakah tujuan orang ramai menggunakan kad kredit?; dan (iv) Bagaimanakah sikap orang ramai mengenai pembayaran kad kredit?





Berdasarkan persoalan-persoalan yang timbul, adalah amat penting untuk menjalankan satu kajian yang terperinci bagi mendapatkan bukti-bukti secara analisis bagi menjawab persoalan-persoalan ini. Bagi mencapai maksud tersebut kajian ini dijalankan dan secara khusus dengan memberi fokus terhadap tiga perkara; (i) analisis motif pemilikan kad kredit; (ii) analisis faktor pendapatan dan perbelanjaan pemegang kad kredit; dan akhir sekali (iii) analisis hubungan pemegang kad kredit dengan faktor-faktor demografi dan faktor ekonomi.

1.3 Objektif Kajian

Berdasarkan soalan-soalan kajian yang diwujudkan itu, maka objektif kajian dapat diterbitkan. Objektif kajian ini terbahagi kepada tiga (3) yang dinyatakan seperti berikut:

- Menentukan motif pemilikan kad kredit.
- Melihat corak perbelanjaan dan pendapatan pemilik-pemilik kad kredit.
- Mengenal pasti hubungan tabiat pembayaran pemegang kad kredit dengan faktor-faktor demografi dan ekonomi.





1.4 Kepentingan Kajian

Dapatan kajian berpotensi memberi sumbangan dan maklumat dan tiga (3) aspek berikut:

1.4.1 Mengikut teori Keynes, terdapat tiga sebab utama mengapa orang ramai memerlukan wang. Antaranya ialah (i) bagi tujuan transaksi; (ii) tujuan kecemasan; dan (iii) tujuan pelaburan atau keuntungan. Dalam keadaan semasa hari ini, kad kredit juga dimiliki atas tujuan keselesaan seperti pengisian minyak kenderaan yang tidak memerlukan pengguna beratur panjang untuk membayar di kaunter. Selain itu juga, penggunaan kad kredit memudahkan pembayaran yang dibuat tanpa memerlukan membawa wang tunai dalam kuantiti yang banyak. Dalam perspektif ini, kajian ini dapat memberi maklumat apakah sebab-sebab utama yang mempengaruhi orang ramai memiliki kad kredit.

1.4.2 Kad kredit bersifat pinjaman jangka pendek dari institusi pengeluar kepada pelanggan. Darjah kepentingan penggunaannya bergantung kepada tingkat pendapatan dan perbelanjaan pemegang kad kredit itu sendiri. Dapatan kajian ini dapat memberi maklumat tingkat pendapatan dan corak perbelanjaan pemegang-pemegang kad kredit dan merumuskan sama ada pemilikan kad kredit lebih bersifat sebagai alat kecemasan atau alat yang membantu menampung lebih perbelanjaan dalam keadaan sebenar ataupun atas sebab-sebab lain.

1.4.3 Menurut perangkaan yang di dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia (BNM) pada tahun 2006 penggunaan kad kredit kini semakin popular di kalangan masyarakat





Malaysia dengan peningkatan dalam penggunaannya. Pada tahun 2004 sejumlah 6.6 juta kad kredit telah berada di pasaran dan penggunaannya merangkumi pelbagai peringkat dan golongan pengguna. Jumlah ini mengalami peningkatan sebanyak 28.6% daripada tahun sebelumnya iaitu sebanyak 4.7 juta kad kredit. Pertambahan yang pesat ini menunjukkan kad kredit memainkan peranan yang semakin signifikan dalam kehidupan seharian masyarakat di Malaysia. Hasil dapatan kajian ini memberi maklumat mengenai hubungan di antara tabiat pembayaran kad kredit dengan faktor-faktor demografi dipilih dan tingkat pendapatan. Dalam erti kata lain, dapatan yang diperoleh menunjukkan golongan mana yang cenderung memiliki kad kredit dan cenderung untuk Bayar Ikut Masa (BIM) dan Bayar Tidak Ikut Masa (BTIM).



Berdasarkan objektif kajian yang telah diterbitkan maka hipotesis kajian boleh dibina bagi menganalisis ujian-ujian yang akan dijalankan berdasarkan hipotesis yang dibina. Hipotesis bagi kajian adalah seperti berikut:

- Tiada hubungan yang signifikan di antara tabiat pembayaran kad kredit dengan faktor demografi dan ekonomi.
 - Tiada hubungan yang signifikan di antara tabiat pembayaran kad kredit dengan faktor jantina.
 - Tiada hubungan yang signifikan di antara tabiat pembayaran kad kredit dengan faktor umur.





- Tiada hubungan yang signifikan di antara tabiat pembayaran kad kredit dengan faktor bangsa.
- Tiada hubungan yang signifikan di antara tabiat pembayaran kad kredit dengan faktor taraf perkahwinan.
- Tiada hubungan yang signifikan di antara tabiat pembayaran kad kredit dengan faktor pendapatan sebulan.

Faktor-faktor demografi ini terdiri daripada jantina, umur, bangsa, tahap pendidikan, pekerjaan dan taraf perkahwinan yang terdapat di dalam borang soal selidik yang digunakan. Bagi faktor-faktor ekonomi pula meliputi bilangan tanggungan, pendapatan sebulan, perbelanjaan sebulan, purata simpanan sebulan dan kawasan kediaman. Oleh demikian beberapa faktor demografi dan ekonomi sahaja dipilih di dalam kajian ini iaitu jantina, umur, bangsa, taraf perkahwinan dan pendapatan sebulan.

1.6 Limitasi Kajian

Kajian tabiat pembayaran pengguna kad kredit ini dilakukan di kawasan Seremban, Negeri Sembilan sahaja. Ini bermakna hasil dapatan kajian boleh dijadikan bahan rujukan bagi populasi ini sahaja. Ia tidak boleh di generalisasi pada populasi negara Malaysia atau pada mana-mana populasi di kawasan-kawasan lain. Seremban sebagai lokasi kajian adalah kerana limpahan penduduk daripada Pusat Bandaraya Kuala Lumpur dan Pusat Pentadbiran Kerajaan di Putrajaya yang menetap di Seremban dan bekerja di Kuala Lumpur atau Putrajaya dan keunikan adat perpatih yang terdapat di





Seremban, Negeri Sembilan dan tiada di negeri-negeri lain. Kawasan Seremban juga menjadi pilihan kajian ini adalah kerana tiada lagi kajian yang seumpama ini dilakukan di kawasan Seremban yang membolehkan penduduk-penduduk di kawasan ini mendapatkan maklumat tentang kebaikan dan keburukan penggunaan kad kredit. Kajian ini dijalankan dalam tempoh masa selama satu (1) tahun iaitu pada bulan Ogos 2009 sehingga bulan Julai 2010. Perkara ini juga memberi maksud dapatan kajian yang diperoleh adalah benar bagi tempoh masa tersebut sahaja. Ini kerana, keadaan mungkin berbeza pada tempoh masa yang selainnya. Responden bagi kajian ini adalah di kalangan orang ramai yang memiliki kad kredit sahaja. Tiada responden yang tidak memiliki kad kredit terlibat dalam kajian ini. Kutipan data tertumpu di beberapa tempat sasaran iaitu di stesen-stesen minyak, pusat-pusat membeli-belah dan juga di bank-bank. Responden-responden ini dipilih secara bukan rawak.



1.7 Penutup

Permasalahan berkenaan kad kredit ini telah membelenggu masyarakat pada masa kini. Ramai yang kabur mengenai penggunaannya dengan cara yang betul. Akibatnya, kad kredit yang sepatutnya menjadi alat yang memudahkan kehidupan dalam membuat pembayaran dan perbelanjaan telah bertukar menjadi perangkap kewangan yang membawa kepada malapetaka kepada kehidupan masyarakat yang menggunakannya. Ianya sangat penting bagi mereka yang menjadi pengguna tetap untuk apa jua jenis kad kredit supaya melengkapkan diri mereka dengan ilmu atau pengetahuan dan kemahiran berkenaan cara penggunaan yang betul. Ilmu atau pengetahuan penggunaan kad kredit yang betul tidak diajar di mana-mana kursus





kewangan, perniagaan atau yang berkaitan di universiti atau kolej-kolej. Oleh itu, kajian ini memberi alternatif kepada pengguna maklumat mengenai selok-belok penggunaan kad kredit dan peningkatan pengetahuan mengenai kad kredit.

Kajian ini akan melihat secara keseluruhan mengenai pengenalan di Bab 1. Seterusnya di dalam Bab 2 pula kajian ini membincangkan mengenai latar belakang kajian yang dilakukan. Di dalam Bab 3 pula akan mengupas serba sedikit mengenai kajian-kajian lepas yang telah dikaji oleh pengkaji-pengkaji terdahulu daripada tahun 1986 hingga ke tahun 2011. Seterusnya di dalam Bab 4 pula akan membincangkan mengenai metodologi kajian yang dijalankan. Bab 5 pula akan membincangkan keputusan kajian yang telah diperoleh dan diterangkan secara terperinci. Akhir sekali di dalam Bab 6 kajian ini akan membuat kesimpulan terhadap kajian yang dilakukan

